JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel : 06-2895000
Faks : 06-2345201 / 5202 / 5207
Web: www.anm.gov.my/index.php/utama-melaka

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/11 (23)
Tarikh : 30 November 2022
Bersamaan : 05 Jamadilawal 1443H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

PENGHANTARAN *TEMPLATE* DATA PENERIMA BAYARAN YANG TELAH DIKEMASKINI BAGI BATCH 1 HINGGA 5

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, jabatan ini telah membuat edaran secara berperingkat *Template* Data Penerima Bayaran mulai dari *Batch* 1 sehingga 5, yang perlu dikemaskini selaras dengan **Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022 – Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Bagi Pembayaran Kerajaan**.

3. Walau bagaimanapun, masih terdapat maklumat dalam *template* asal yang masih belum dikemaskini sepenuhnya oleh PTJ. Sehubungan itu, mohon kerjasama semua PTJ mengambil tindakan pengemaskinian sama ada melalui Program *Mass Upload* sepertimana Carta Alir di Lampiran 1 atau di Portal iGFMAS.

4. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk menghantar semula maklumat penerima bayaran yang telah dikemaskini selewat-lewatnya pada **23 Disember 2022 (Jumaat)**.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WARISAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A.(M), CPA (Aust.))
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka

Proses Penghantaran *Template* Format Mass Upload Modul AP V2.0

TANGGUNGJAWAB		PROSES KERJA
	MULA	
PTJ		Muat turun **Format Mass Upload** (Wujud, Kemaskini dan Batal) di Laman Web JANM Melaka
PTJ		Menyemak Data Induk di dalam sistem iGFMAS Penerima Bayaran sebelum mengemaskini *Template Format Mass Upload* (Wujud, Kemaskini dan Batal)
PTJ		Kemaskini Format Mass Upload (Wujud, Kemaskini dan Batal) [Format Ms Excel] berdasarkan dokumen sokongan Penerima Bayaran
PTJ		E-mel *template* (format MS Excel dan PDF yang lengkap tarikh dan bertandatangan) ke emel **vendor_ukppmlk@anm.gov.my** Nota : Untuk permohonan *Template* Wujud, sila nyatakan tujuan bayaran di dalam e-mel permohonan
JANM Melaka		Melaksanakan proses muat turun naik fail PTJ ke dalam sistem dan e-mel notifikasi pemakluman proses Mass Upload berjaya kepada PTJ.
	TIDAK	
	YA	
PTJ		Semak Data Induk (Portal iGFMAS) - maklumat yang dihantar melalui *Mass Upload* bagi memastikan perubahan telah berlaku
	TIDAK	
	YA	
PTJ		E-mel *Template Second Validation* mengikut *batch* ke **vendor_ukppmlk@anm.gov.my** (format MS Excel dan PDF yang telah lengkap tarikh dan tandatangan penyedia, penyemak dan pengesah)
	TAMAT	